

TNB sedia salur bekalan elektrik projek MRT

Tenaga Nasional Bhd (TNB) bersedia menyalurkan bekalan elektrik untuk projek MyRapid Transit (MRT) Lembah Klang Sungai Buloh-Kajang.

Pengurus Besar TNB Kuala Lumpur Datuk Ir Abdul Aziz Jaafar, syarikat utiliti itu tidak mempunyai masalah dalam menyalurkan tenaga elektrik kerana ia mempunyai lebih kapasiti dan perkara itu tidak akan menimbulkan masalah kepada syarikat berkenaan kelak.

“Sistem bekalan sentiasa mencukupi. Kami mempunyai kapasiti tenaga elektrik sebanyak 6,480 Megawatt (MW) dan jumlah penggunaan harian atau permintaan maksimum cuma 2,219 MW atau 34 peratus.

“TNB masih memiliki lebih kapasiti sebanyak 66 peratus untuk dibekalkan kepada pelanggan baru, termasuk MRT.

“Projek itu hanya memerlukan 50 MW atau bersamaan kurang daripada 1.0 peratus dan ini tidak membebankan kami (TNB),” katanya.

MRT adalah projek pengangkutan awam bandar jangka panjang paling komprehensif dan dijangka beroperasi sepenuhnya pada 2017.

BERNAMA